

Kenapa Industri Perlu Bertindak: Rasional Strategik CCUS

Pelepasan Karbon Industri: Realiti Serantau

Industri-industri berat seperti keluli, simen serta minyak dan gas (sukar dinyahkarbon) adalah penting kepada pembangunan Asia Tenggara -tetapi industri-industri ini turut menyumbang hampir 20% daripada jumlah pelepasan karbon di rantau tersebut.

Sektor-sektor ini sukar untuk dinyahkarbon, namun amat penting untuk mengekalkan pekerjaan, infrastruktur dan eksport.

Tanpa tindakan, industri-industri ini berisiko untuk ketinggalan kerana rantaian bekalan global menuntut operasi yang lebih bersih.

Komitmen Malaysia: Mendayakan Masa Depan Rendah Karbon

Malaysia sedang dalam misi untuk mencapai pelepasan gas rumah kaca sifar bersih pada tahun 2050

Pada tahun 2021, pelepasan GHG negara telah mencapai 327,672.37 Gg CO₂ setara, di mana lebih daripada 11% terhasil melalui proses-proses perindustrian



Rasional Perniagaan: Mengapa Syarikat-syarikat Perlu Melabur dalam CCUS



Memperkukuh Penarafan ESG

CCUS dapat meningkatkan kelayakan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) - satu keperluan yang semakin meningkat untuk pelabur global dan kontrak perolehan



Menerajui Pasaran

Peneraju awal dapat menikmati kelebihan sebagai penggerak pertama, daripada kesetiaan pelanggan sehingga penetapan penanda aras baharu dalam industri



Akses kepada Pasaran Karbon

Syarikat-syarikat dapat menjana kredit karbon dengan memerangkap pelepasan, dan berpeluang untuk menjalankan aktiviti perdagangan domestik dan antarabangsa



Membuka Peluang kepada Insentif Cukai

Belanjawan 2025 memperkenalkan sokongan kewangan untuk pelaburan CCUS yang layak, mengurangkan beban modal dan operasi

Mencipta Kesan Rantaian Ekonomi



- Merencanakan penglibatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dalam rantai bekalan (pengangkutan, pemantauan dan keselamatan)
- Membangunkan kepakaran teknikal dalam bidang kejuruteraan, geologi dan analisis data
- Menambah baik infrastruktur dalam zon perindustrian dan kawasan pedalaman
- Industri-industri yang sukar dinyahkarbon akan lebih cenderung untuk menumpukan pengembangan perniagaan mereka berdekatan dengan kawasan hab CCUS

Industri yang sukar dinyahkarbon seharusnya mula mempertimbangkan penggunaan teknologi bagi mengurangkan pelepasan atau melabur dalam teknologi seperti CCUS untuk mengurangkan pelepasan

CCUS merupakan gerbang bagi pertumbuhan yang lebih bersih, berdaya saing dan kestabilan jangka panjang

Apa yang Industri Boleh Lakukan Sekarang

- Langkah 1 Menjalankan audit pelepasan untuk mengenalpasti sumber-sumber utama
- Langkah 2 Memasang sistem pemerangkapan di peringkat fasiliti
- Langkah 3 Menghubung kepada rangkaian pengangkutan dan penyimpanan
- Langkah 4 Menggunakan atau menyimpan CO₂ mengikut kesesuaian
- Langkah 5 Melaksanakan protokol-protokol pemantauan dan pengesahan untuk memastikan keberterangjawab

Industri yang bertindak hari ini akan berada pada kedudukan terbaik untuk menerajui ekonomi hijau masa hadapan



Daripada Kewajipan kepada Peluang

CCUS membolehkan Malaysia dan industri-industri mengubah pelepasan daripada liabiliti kepada aset. Dengan dasar, inovasi dan infrastruktur yang tepat, kita boleh menjamin masa hadapan yang mampan dan berdaya saing untuk generasi akan datang